

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.02/10.12/2 Jld.2 (53)

30 Jun 2014
2 Ramadan 1435

PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 23/ 2014

PINDAAN WAKTU BEKERJA UNTUK STAF UTM BAGI BULAN RAMADAN 1435H/2014M

Dimaklumkan bahawa atas kepentingan perkhidmatan dan kebajikan staf, pihak Universiti melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Bil. 13/2014 bertarikh 30 Jun 2014 telah bersetuju meminda waktu bekerja semua staf Universiti Teknologi Malaysia supaya staf dapat pulang 30 minit lebih awal sepanjang bulan Ramadan 1435 Hijrah iaitu **mulai 1 Julai 2014 – 27 Julai 2014** seperti berikut:

- a) UTM Johor Bahru

Waktu Berperingkat (WP)	Hari	Waktu Bekerja	Waktu Rehat	Waktu Bekerja
WP2	Ahad-Rabu	8.00 pagi – 1.30 petang	1.30 petang – 2.00 petang	2.00 petang – 4.30 petang
	Khamis	8.00 pagi – 1.30 petang	1.30 petang – 2.00 petang	2.00 petang – 3.00 petang

- b) UTM Kuala Lumpur

Waktu Berperingkat (WP)	Hari	Waktu Bekerja	Waktu Rehat	Waktu Bekerja
WP1	Isnin-Khamis	7.30 pagi – 1.30 petang	1.30 petang – 2.00 petang	2.00 petang – 4.00 petang
	Jumaat	7.30 pagi – 12.45 petang	12.45 petang – 2.45 petang	2.45 petang – 4.00 petang
WP2	Isnin-Khamis	8.00 pagi – 1.30 petang	1.30 petang – 2.00 petang	2.00 petang – 4.30 petang
	Jumaat	8.00 pagi – 12.45 petang	12.45 petang – 2.45 petang	2.45 petang – 4.30 petang
WP3	Isnin-Khamis	8.30 pagi – 1.30 petang	1.30 petang – 2.00 petang	2.00 petang – 5.00 petang
	Jumaat	8.30 pagi – 12.45 petang	12.45 petang – 2.45 petang	2.45 petang – 5.00 petang

2. Pindaan waktu ini akan melibatkan staf UTM dapat pulang 30 minit lebih awal dengan waktu rehat setiap staf akan dipendekkan dari 1 jam kepada 30 minit sahaja. Pindaan waktu ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat seperti berikut:


- a) Waktu bekerja ini adalah terpakai untuk bulan Ramadan 1435 H/2014 sahaja;
- b) waktu bekerja ini berkuat kuasa mulai 29 Jun 2014 (1 Ramadan 1435H) dan akan tamat pada hari terahir bulan Ramadan 1435H/2014;
- c) mana-mana Ketua Jabatan adalah dibenarkan untuk mengarahkan staf masing-masing untuk bertugas selepas waktu bekerja yang dipinda ini untuk kepentingan Universiti; dan
- d) waktu bekerja ini hendaklah tidak menjelaskan jumlah waktu bekerja iaitu 40 jam seminggu seperti yang telah ditetapkan oleh Kerajaan.

3. Semua Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ) diminta memastikan pemantauan sewajarnya terhadap pindaan waktu bekerja sepanjang bulan Ramadan ini agar pelaksanaannya tidak menjelaskan produktiviti kerja, kelancaran kuliah, makmal dan aktiviti PTJ.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

“Berkhidmat untuk Negara kerana Allah”

Yang benar,



WAN MOHD. ZAWAWI BIN WAN ABD. RAHMAN
Pendaftar

- s.k. - YBhg Datuk Naib Canselor
- YBhg Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
- YBhg Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
- YBhg Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Mahasiswa & Alumni)
- YBhg Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
- Pengarah Kampus UTM Kuala Lumpur
- Pegawai-Pegawai Kanan/ Dekan/ Pengarah